



KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD

31, Tingkat Bawah, Wisma KOGURU, Jalan Hiliran, 21000 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman

Tel. : 09-6221881 / 09-622881, 09-6241850 & Fax: 09-6264358

Ruj. Kami : KOGURU. 01/01/35-03 Jld 2 (90)

Tarikh : 12 Januari 2023

Yang dihormati,
Anggota Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad,

Tuan,

PINDAAN NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya, dukacita dimaklumkan bahawa merujuk Seksyen 37 Akta dan UUK 26 (1) bahawa Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad akan diadakan dengan pindaan dan perubahan tempat mesyuarat kerana dewan sekolah yang berkenaan akan dijadikan Pusat Peperiksaan SPM. Kesulitan tuan/puan amat dikesali dan dengan ini dimaklumkan perubahan tempat mesyuarat seperti butiran berikut:

| Tarikh | Hari | Masa Daftar | Kawasan/ Daerah | Tempat |
|---------|--------|-----------------------|-----------------|---|
| 17.2.23 | Jumaat | 8.00 pagi - 9.00 pagi | Marang | Dewan Sektor Sumber & Teknologi Pendidikan JPNT, Marang |
| 18.2.23 | Sabtu | 8.00 pagi - 9.00 pagi | Hulu Terengganu | Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu |
| 24.2.23 | Jumaat | 8.00 pagi - 9.00 pagi | Besut | Dewan Bukit Keluang Beach Resort |
| 25.2.23 | Sabtu | 8.00 pagi - 9.00 pagi | Setiu | Dewan University College Bestari, Setiu |
| 3.3.23 | Jumaat | 8.00 pagi - 9.00 pagi | Kemaman | Dewan Berlian Majlis Daerah Kemaman |
| 4.3.23 | Sabtu | 8.00 pagi - 9.00 pagi | Dungun | Dewan Majlis Perbandaran Dungun |

Nota: Anggota Bersara Aktif dan Anggota Luar Negeri dibenarkan hadir di kawasan yang dipilih.

2. Sehubungan dengan itu, semua anggota yang layak dijemput hadir ke Mesyuarat Agung Kawasan mengikut daerah/ kawasan yang ditetapkan bagi menyempurnakan prinsip demokrasi dalam koperasi. Tuan diingatkan **membawa kad pengenalan** atau **kad anggota bergambar** semasa pendaftaran. Wakil anggota tidak diterima. **Bagi Anggota Bersara Aktif dan Anggota Luar Negeri**, sila maklumkan kehadiran tuan **semasa pendaftaran di tempat Mesyuarat Agung Kawasan yang dipilih** untuk tujuan rekod.

3. Mesyuarat Agung Kawasan akan memilih perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2023 dan 2024 berdasarkan UUK 26(2). Anggota Perwakilan yang terpilih berhak untuk menawarkan diri untuk pelantikan semula atau pelantikan sebagai Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Anggota perwakilan yang sanggup menjalankan amanah, komitmen, berkemampuan, mempunyai ruang masa yang diperlukan bagi melaksanakan aktiviti koperasi dan boleh menawarkan diri bertanding bagi pelantikan atau pelantikan semula ALK KOGURU untuk sesi 2023/2026, mestilah mendapat Surat Penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Anggota Perwakilan tersebut dikehendaki menyediakan semua dokumen dan mematuhi GP 3 : Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012 sebagaimana yang berikut:-

- 3.1 Keputusan carian Kebankrapan (Jabatan Insolvensi Malaysia);
- 3.2 Keputusan Laporan Kredit Institusi Kewangan ("CCRIS") – Bank Negara;
- 3.3 Melengkapkan **Borang SKM/BP** (8 muka surat) dan **Borang SKM/TAP/KEW** (2 muka surat) bagi mendapatkan Surat Penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bagi Pelantikan Lembaga Koperasi;
- 3.4 Salinan Kad Pengenalan; dan
- 3.5 Salinan Sijil-sijil berkaitan.

4. Semua dokumen yang lengkap dikehendaki sampai ke pejabat KOGURU seperti alamat di atas **bermula 5 Mac 2023 sehingga 19 Mac 2023, jam 4:30 petang**. Pihak pengurusan KOGURU akan memperakui permohonan anggota perwakilan yang layak dan sesuai menawarkan diri bertanding untuk dipanjangkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

5. Pihak KOGURU juga akan membuka kaunter panel dan khidmat pembiayaan semasa mesyuarat agung kawasan. Akhirnya, saya mewakili ALK merakamkan ucapan terima kasih kepada semua anggota atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan demi kemajuan KOGURU.

Sekian, Terima kasih.

"ANGGOTA DIDAHULUKAN, KOPERASI DIUTAMAKAN"

Saya yang menjalankan amanah Anggota Lembaga,
Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad



.....
(**JUHARI BIN ISMAIL**)
Setiausaha Kehormat

s.k.

1. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Terengganu
2. Pengerusi Kehormat KOGURU

ATUR CARA MAJLIS:

- 8:00 pagi : Pendaftaran kehadiran anggota
- : Anggota mengambil tempat
- : Taklimat aktiviti / produk
- : Ucapan Pengerusi Majlis
- : Bacaan doa

AGENDA MESYUARAT

Agenda 1

Alu-aluan Pengerusi Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad

Agenda 2

Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat bagi mempengerusikan mesyuarat dan seorang Setiausaha Mesyuarat untuk merekodkan segala butiran mesyuarat berdasarkan UUK 26(8);

Agenda 3

Membentang Draf Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2022;

Agenda 4

Membentang Anggaran Belanjawan Tahun 2023 / 2024 untuk ditimbang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan;

Agenda 5

Membentang Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil; (jika ada);

Agenda 6

Membentang Usul daripada Anggota Lembaga dan Anggota KOGURU (jika ada) yang diterima dalam masa tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Kawasan;

Agenda 7

Memilih perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan berdasarkan UUK 26(2); dan

Agenda 8

Ucapan Penangguhan.